

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0. Pendahuluan.

Pra-Akademi Islam Nilam Puri (PRA-AIUM) mempunyai sejarah penubuhannya tersendiri. Ia ditubuhkan pada tahun 1981 hasil pengambilalihan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri. Perasmianya disempurnakan oleh YAB Datuk Musa Hitam, Menteri Pelajaran ketika itu pada 1hb. April, 1991. Kampus ini menjadi cawangan kepada kampus Induk Akademi Islam Universiti Malaya terdiri daripada Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan Pra-Akademi Islam yang ditubuhkan pada tahun sama beserta kursus Pra-Sarawak yang lebih merupakan kursus persediaan. Matlamat penubuhannya ialah :


- a) memberi peluang pengajian lanjutan dalam pengajian Islam di Peringkat Universiti.
- b) Melatih dan melengkap siswazah dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif selaras dengan keperluan negara.

- c) Menggalak dan menjalankan penyelidikan dalam pengajian Islam untuk mencapai kecemerlangan penyelidikan dan penerbitan dalam bidang ini.
- d) Mengeluarkan siswazah yang berpengetahuan dan berjiwa Islam untuk menyebarkan Islam serta menyumbang di dalam pelbagai bidang.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Ferdinand de Saussure (1857 - 1913) mengikut Arbak Othman (1986) merupakan tokoh pertama menekankan satu susunan unit-unit secara struktur. Melalui pendapat de Saussure ini ahli bahasa (linguist) telah menghuraikan bagaimana unit-unit dalam bahasa bercantum sehingga wujudnya struktur bahasa yang diucapkan. Berdasarkan kajian dan huraian ini, terbentuklah linguistik Deskriptif. Berdasarkan hakikat yang linguistik deskriptif menghuraikan struktur dan sistem bahasa, maka bidang kajian bahasa terbahagi kepada 3 bahagian iaitu fonologi, morfologi dan sintaksis. Sebenarnya ruang lingkup bahasa sangat luas dan ia boleh dilihat seperti rajah I di bawah:-

Rajah : 1 Ruang Lingkup Bahasa



1. Fonetik (mengkaji bunyi bahasa)
2. Fornoloqi (bunyi-bunyi yang berfungsi dalam bahasa)
3. Morfologi dan sintaksis (Aspek tatabahasa)
4. Semantik (kajian makna)
5. Pragmatik (cara menggunakan bahasa)
6. Sosiolinguistik (kaji bahasa masyarakat)

Berdasarkan kepada rajah I di atas, gambaran yang diberi menunjukkan bahasa itu luas kajiannya mencakupi segala bidang. Kajian bahasa bermula daripada fonetik iaitu kajian bunyi bahasa dari segi penyebutan, pendengaran atau sifatnya. Ini bermakna bunyi-bunyi bahasa hendaklah didengar dahulu sebelum iaanya dapat deskripsikan dan kebiasaannya pendekatan kajian digunakan ialah sebutan (artikulasi), pendengaran (auditori) dan sifat bunyi

(akustik). Alat-alat yang digunakan untuk mengkaji bunyi ialah palatogram, laringoskopi dan letormiografi yang menilai sifat bunyi seperti sengau, letupan dan sebagainya.

Fonologi pula merujuk kepada kajian pola-pola bunyi. Melalui kajian ini dapat ditentukan ciri-ciri distintif (bunyi-bunyi yang membeza). Fonologi terbahagi kepada dua bahagian iaitu Fonetik dan Fonemik. Fonemik mengkaji bunyi-bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa. Bunyi ini penting kerana ia mempunyai fungsi, atau ciri pembeza yang dikenali sebagai fonem (//). Dalam Bahasa Melayu terdapat 28 fonem penggalan dengan pecahan 22 konsonan dan 6 vokal. Morfologi pula, membincangkan perihal pembentukan kata dengan cara pengimbuhan bagi membentuk kata terbitan, melalui penggandaan bagi membentuk kata ganda dan melalui penggabungan bagi membentuk kata majmuk. Ia merupakan sebahagian daripada tatabahasa dalam mana tatabahasa tadi mementingkan bentuk-bentuk kata dan susunan kata-kata ini dalam frasa dan ayat. Unit terkecil dalam morfologi ialah morfem yang dapat dipecahkan pula kepada dua iaitu morfem bebas dan morfem terikat.

Contoh

"mengusik"

{meng-} dan {usik} adalah masing-masing satu morfem. {meng-} tidak boleh berdiri sendiri dan memerlukan kata bantu maka dinamakan morfem terikat dan {usik} boleh berdiri sendiri dinamakan morfem bebas. Melalui perbincangan inilah pengkaji mencuba menyelidiki sejauh manakah kebolehan pelajar Pra-AIUM menguasai dan memahami morfem kerana ianya cukup mengelirukan dalam penggunaan frasa dan ayat.

Selain daripada di atas, morfem yang paling sejagat dan terdapat dalam hampir semua bahasa ialah imbuhan. Proses pengimbuhan merupakan aspek yang penting dalam morfologi bahasa Melayu . Mengikut Halimah Wok Awang (Abdullah Hassan 1992), pengimbuhan ialah satu proses iaitu, suatu kata dasar dapat diperluaskan dengan satu atau lebih imbuhan untuk menerbitkan kata-kata yang kompleks dinamakan kata terbitan. Imbuhan dalam bahasa Melayu ada dua golongan besar iaitu:

a) **Imbuhan kata kerja**

Merujuk kepada imbuhan kata kerja yang dapat ditambahkan pada dasar kata kerja tanpa mengubah golongan kata tersebut.

Contoh : gambar --> bergambar

Jahit --> menjahit

b) **Imbuhan kata nama**

Merujuk imbuhan boleh ditambah pada kata nama tanpa mengubah golongan perkataan.

Contoh : tua ---> ketua

Daripada dua golongan besar di atas imbuhan dalam Bahasa Melayu boleh dipecahkan lagi kepada empat jenis iaitu awalan, akhiran, kurungan dan sisipan.

Penggandaan satu lagi unsur penting dalam morfologi. Mengikut Arbak Othman (1998). Penggandaan adalah proses bagaimana suatu kata dasar atau sebahagian daripadanya diulang. Penggandaan dalam Bahasa Melayu terbahagi kepada dua jenis iaitu penggandan tulen dan penggandaan berentak. Penggandan tulen merupakan proses pengulangan boleh jadi seluruh atau sebahagian daripada dasarnya seperti "kanak-kanak" dan "lelaki". Penggandaan berentak pula ialah proses penggandaan secara berentak suku atau berentak bunyi seperti "batu-batan" dan "bukit-bukau" serta berentak bunyi, berupa bunyi-bunyi konsonan yang ada pada kata dasar seperti "suku-sakat" dan "cucu-cicit". Penguasaan penggandaan dalam kajian ini menumpukan kepada kebolehan pelajar membuat ayat dengan penggandaan yang diberi.

Pergolongan kata satu lagi unsur dalam morfologi. Za'ba (1947) memberi persamaan antara golongan kata dan jenis perkataan. Kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1968), terdapat 3 golongan kata yang utama iaitu kata nama (Norminals), kata kerjaan (verbals) dan kata tugas (Function Words). Ramai ahli sarjana seperti Marsden (1812), Crawford (1852), Maxwell (1882), Winstedt (1927), Lewis (1954), Za'ba (1947) dan Asmah (1968) bersepakat bahawa proses-proses morfologi dalam Bahasa Melayu bukanlah terjadi secara berasingan, tetapi sebenarnya ketiga-tiga proses ini mungkin berlaku serentak dalam satu konstruksi yang besar, misalnya: berjalan-jalan (pengimbuhan + penggandaan), persuratkhabar (pengimbuhan + pemajukan) dan persuratkhabar-persuratkhabar (pemajukan + pengimbuhan + penggandaan).

(Abdullah Hassan 1993: III).

Sintaksis pula membicarakan tentang urutan kata dan perhubungan antara mereka. Bidang kajiannya ialah cara atau peraturan kata-kata disusun untuk membina ayat-ayat. Selain daripada itu sintaksis juga mangkaji perhubungan unsur-unsur dalam bahasa dan hukum-hukum dalam ayat. Semantik pula ialah kajian

makna dan yang ditekankan adalah makna kata dan makna ayat dan akhir sekali Pragmatik iaitu kajian makna ujaran yang memfokus kepada bahasa dan penggunanya.

Setelah mendapat gambaran tentang ruang lingkup bahasa, pengkaji telah membuat penelitian kepada sukanan AIUM. Dapatan daripada penelitian sukanan pelajaran menunjukkan proses morfologi telah diberi penekanan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bagi mengetahui apakah kekuatan kepada penekanan morfologi dalam pengajaran maka penulis telah merangka soalan-soalan soal selidik dan soalan-soalan latihan yang berkaitan morfologi.

### 1.2      **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada objektif yang dirangka seperti di bawah:

- a) Untuk melihat penguasaan pelajar dalam morfologi yang dipelajari.
- b) Mengenal pasti di manakah kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar dalam menguasai proses pembentukan kata (morfologi).
- c) Untuk melihat secara khusus penguasaan pelajar terhadap morfem bebas dan morfem terikat.

- d) Untuk melihat secara khusus penguasaan pelajar dalam kelas kata dan imbuhan yang menjadi sebahagian daripada proses pembentukan kata.
- e) Untuk melihat kebolehan pelajar membina ayat dengan menggunakan kata gandaan yang diberi.
- f) Untuk mengenal pasti perkaitan pengaruh luaran seperti persekitaran, minat dan sebagainya terhadap kebolehan penguasaan morfologi.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kajian secara mendalam dilakukan berdasarkan kepada sukatan pelajaran yang ditawarkan oleh pihak Universiti Malaya di Kampus Cawangan Nilam Puri. Diharap dengan kajian ini akan dapat :

- a) Memberi rujukan dan makluman balas kepada pihak perancang akademik Universiti Malaya khususnya untuk kursus Pra-Akademi Islam tentang kekuatan dan kelemahan pelajar dalam penguasaan morfologi bahasa Melayu.

- b) Memberi maklum balas kepada pengubal sukatan pelajaran di kampus induk Universiti Malaya tentang keberkesanan pengajaran bahasa Melayu di Pra-Akademi Islam Nilam Puri.
- c) Memberi rujukan dan maklum balas kepada para pengkaji bahasa tentang kebolehan pelajar menguasai penggunaan komponan-komponan penting dalam morfologi.
- d) Memberi petunjuk dan rujukan tentang analisis kesilapan dalam penggunaan komponan-komponan morfologi seperti morfem, pengkelasan kata, imbuhan, penggandaan dan akronim. Analisis ini juga boleh digunakan dalam perancangan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu seperti pendapat Corder (1967) dan Brown (1980) yang menyatakan bahawa pentingnya kajian terhadap kesalahan penggunaan sesuatu bahasa dalam menentukan keberkesanan dalam perancangan pembelajaran dan pengajaran sesuatu bahasa.

## **1.4 Metodologi**

Metodologi merupakan kaedah yang digunakan untuk membuat penyelidikan. Penyelidikan ini menggunakan metodologi merangkumi perkara-perkara seperti berikut iaitu:

- i) Sampel
- ii) Kaedah
- iii) Prosedur kajian
- iv) Analisis Data
- v) Instrumentasi

### **1.4.1 Sampel**

Sampel kajian ini diambil di kalangan pelajar-pelajar Pra-Akdedemi Islam Nilam Puri. Sampel kajian ditetapkan seramai 50 orang yang merangkumi 25 orang pelajar lelaki dan 25 orang pelajar perempuan. Pelajar-pelajar diambil daripada seluruh negeri yang mengikuti kursus di Pra-AIUM dan kadar lelaki dan perempuan ditetapkan. Pembahagian subjek mengikut kumpulan sampel (rujuk pada jadual I).

**Jadual I:Pembahagian subjek menurut  
kumpulan sampel.**

PRA	Tahun 2 SEMESTER 3
JANTINA	
LELAKI	25
PEREMPUAN	25
JUMLAH	50

**1.4.2 Kaedah dan Prosedur Kajian**

Kaedah kajian atau penyelidikan yang digunakan secara deskriptif iaitu melalui kaedah-kaedah berikut:

- i) Kepustakaan
- ii) Soal selidik
- iii) Latihan ujian

**1.4.2.1 Kepustakaan**

Melalui kaedah ini buku-buku yang berkaitan dengan penyelidikan dibuat rujukan. Selain daripada itu jurnal-jurnal juga dijadikan sebagai bahan tambahan yang penting untuk penyelidikan. Bahan ketiga yang menjadi bahan rujukan ialah media cetak yang meliputi majalah-majalah, akhbar-akhbar dan lain-lain yang difikirkan sesuai dengan penyelidikan.

#### **1.4.2.2      Kaedah soal selidik**

Kaedah soal selidik dijalankan berdasarkan serampang dua mata iaitu membuat soal maklumat dengan tenaga pengajar Bahasa Melayu dan juga mengemukakan soalan soal selidik kepada pelajar-pelajar yang merangkumi 24 soalan untuk dijawab oleh pelajar. Bentuk soalan berdasarkan isikan tempat kosong dan tanda Ya atau Tidak. (Lihat lampiran I)

#### **1.4.2.3      Latihan ujian**

Soalan ujian dirangka kepada 5 bahagian yang merangkumi komponan-komponan morfologi seperti jadual 2 di sebelah. Soalan dirangka berdasarkan serampang dua mata iaitu membuat soal maklumat dengan tenaga pengajar Bahasa Melayu dan juga mengemukakan soalan soal selidik kepada pelajar-pelajar yang merangkumi 44 soalan untuk dijawab oleh pelajar. Bentuk soalan berdasarkan isikan tempat kosong dan tanda Ya atau Tidak. (Lihat lampiran I)

Jadual 2: Jumlah Soalan Latihan Ujian

A	MORFEM	13 SOALAN
B	KELAS KATA	10 SOALAN
C	IMBUHAN	10 SOALAN
D	PENGANDAAN	6 SOALAN
E	AKRONIM	5 SOALAN
	JUMLAH	44 SOALAN

#### 1.4.3 Prosedur Kajian

Permulaan kajian pengkaji mula membuat rujukan terhadap kesesuaian bahan-bahan bacaan termasuklah buku-buku, jurnal-jurnal, akhbar dan bahan-bahan lain yang bersesuaian dengan penyelidikan. Pengumpulan data dilakukan berdasarkan bahan-bahan rujukan di atas.

Peringkat kedua, merangka soal-selidik dan soalan latihan ujian. Soalan soal selidik dan soalan latihan ujian dirangka berdasarkan sukanan pelajaran yang ditawarkan kepada sukanan pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Pra-AIUM. Bentuk soalan dirangka secara subjektif. Rasional bentuk soalan ini dipilih ialah untuk melihat kebenaran, kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar dalam menguasai orfologi. Peruntukan masa menjawab selama 40 minit . Ujian ditadbir dan diberi markah sendiri oleh pengkaji.

#### **1.4.4 Analisis Data**

Analisis data dilakukan mengikut Hipotesis Analisis Kesilapan. Ia terdiri daripada 4 bahagian utama iaitu:

- a) Markah seluruh ujian
- b) Markah setiap ujian
- c) Kekerapan kesalahan bagi setiap soalan
- d) Analisis pengetahuan berdasarkan soalan soal selidik

#### **1.4.5 Instrumenasi**

Peralatan yang digunakan untuk menguji penguasai morfologi dalam penyelidikan ini ialah:

- a) Borang soal selidik
- b) Borang soalan latihan ujian secara subjektif

#### **1.5 Batasan Kajian**

Kriteria kajian ini berdasarkan kepada Bahasa Melayu standard / baku. Ia juga terbatas kepada aspek morfologi yang mencakupi dalam penguasaan:

- a) Morfem terikat dan morfem bebas
- b) Kelas kata iaitu, kata kerja, kata ganti nama, kata sifat, kata praktikal, kata bilangan, kata depan dan kata pemeri.
- c) Imbuhan iaitu imbuhan awalan,

akhiran, kurungan dan imbuhan sisipan

- d) Pembinaan ayat dengan kata gandaan yang diberi.
- e) Keupayaan mencipta akronim

Kajian ini juga tertakluk kepada perkara-perkara yang telah dipelajari dalam morfologi berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan. Pengukuran yang digunakan untuk menentukan penguasaan morfologi ialah berdasarkan kepada jumlah kesilapan yang dilakukan semasa menjawab soalan latihan ujian dan soalan soal selidik.

## 1.6 Definisi Operasional

Kajian ini menggunakan beberapa perkataan dan frasa yang perlu diberikan definisi seperti berikut:

### 1.6.1 Penguasaan

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Baru (1993: ms 664). Penguasaan bermakna perihal menguasai atau menguasai sesuatu dengan mendalam atau mahir. Penguasaan dalam kajian ini merujuk kemahiran pelajar-pelajar memahami dan menggunakan komponen-komponen bahasa dengan betul dan tepat.

### 1.6.2 Morfologi

Perkataan morfologi mengikut kamus Linguistik, disusun oleh Harimurti Kridalaksana (1983: ms 111) bermaksud bidang linguistik yang mempelajari morfem dan kombinasi-kombinasinya. Menurut Prof. Dato' Asmah Haji Omar pula, morfologi ialah peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem. Arbak Othman pula dalam bukunya permulaan ilmu linguistik, telah memetik definisi yang diberikan oleh Bloomfield (hal. 207), z morfologi sesuatu bahasa adalah binaan-binaan dalam mana bentuk-bentuk terikat hadir sebagai di antara konstruksinya. Seterusnya morfologi meliputi binaan kata-kata dan bahagian-bahagiannya. Morfem boleh dibahagikan kepada dua iaitu morfem bebas dan morfem terikat.

Morfem terikat ialah morfem yang mesti dipakai bersama sekurang-kurangnya dengan sebuah bentuk morfem lain. Misalnya perkataan berperang, {ber} terpaksa wujud dengan {perang} sebelum ia dapat digunakan.

Morfem bebas ialah morfem yang dapat wujud bersendirian tanpa perlu sokongan morfem lain contoh perkataan "perang" boleh berdiri sendiri dan boleh digunakan tanpa sokongan morfem lain.

### **1.6.3      Kelas Kata**

Mempunyai persamaan dengan golongan kata dan jenis perkataan menurut istilah Za'ba (1947). Kelas kata yang menjadi perbincangan dalam kajian ini ialah:

#### **1.6.3.1    kata Kerja**

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti konstruksi frasa kerja atau susunan dari kedudukan kata-kata dalam ayat atau rangkai kata. Frasa kerja terdiri daripada kata kerja yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplementen dan keterangan.

#### **1.6.3.2    Kata Ganti Nama**

Ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas dan kata nama am. Ia boleh dibahagikan lagi kepada dua golongan kecil, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Contoh : Saya, dia dan apa.

#### **1.6.3.3    Kata Sifat**

Ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur kekurangan atau kata penguat.

#### **1.6.3.4      Kata Bilangan**

Ialah bentuk kata yang mendukung makna jumlah sesuatu.

#### **1.6.3.5      Kata Depan**

Dikenali juga dengan preposisi iaitu partikal yang biasanya terletak di depan dan menghubungkannya dengan kata lain seperti di, ke dan dari.

#### **1.6.3.6      Kata Remeri**

Ialah unsur yang menjadi pemerihal atau penghubung antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat, contohnya: ialah.

#### **1.6.4      Penggandaan**

Ialah perkataan yang mengalami proses pengulangan pada kata dasarnya, sama ada pengulangan sepenuh (baik-baik) atau sebahagian (lelaki, lauk-pauk).

#### **1.6.5 Akronim**

Ialah kata singkatan yang terbentuk dengan mengabungkan huruf awal suku kata atau gabungan kombinasi huruf awal dan suku kata daripada satu rangkai kata, Contohnya : MARA.

#### **1.6.6 Imbuhan**

Ialah kata terikat yang dicantumkan pada kata dasar dalam proses pembentukan kata. Imbuhan yang dicantumkan itu menyebabkan perubahan fungsi tatabahasa. Imbuhan terdiri daripada empat jenis: awalan, akhiran, sisipan dan apitan.

### **1.7 Tinjauan Kajian dan Penulisan Berkaitan**

Kajian mengenai penguasaan bahasa ditumpukan kepada keupayaan pelajar menjawab soalan atau soal selidik yang dikemukakan oleh para pengkaji. Analisis dilakukan berdasarkan kepada kesalahan dan kesilapan pelajar dalam menjawab soalan yang dikemukakan dan seterusnya akan memberi maklumat yang lengkap tentang kekuatan dan kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa.

Mengikut Brown (1980) yang dipetik dalam Awang Mohamad Amin (1990 ms. 37), menyatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku sama ada oleh pengguna bahasa pertama atau bahasa kedua. Brown (1980) memberi alasan bahawa kesalahan bahasa pertama tidaklah disebabkan oleh kurangnya Competence pengguna itu dalam maknanya seperti yang terdapat dalam perkataan, imbuhan, frasa, klausa dan ayat bahasanya tetapi disebabkan oleh penglahiran bunyi bahasanya iaitu performance yang merujuk kepada penggunaan perkataan, imbuhan, frasa, klausa dan ayat. Kesimpulan kenyataan Brown ini menunjukkan kesalahan bahasa itu berlaku disebabkan kelemahan penutur dalam penyampaian dan penuturannya.

Corder (1981) mendefinisikan kesilapan sebagai bentuk-bentuk penuturan yang menyimpang atau yang menyalahi bentuk-bentuk pertuturan dan ia meliputi semua aspek bahasa seperti tatabahasa, ejaan, sebutan, penggunaan perkataan, istilah dan sebagainya. Manakala Skinner (1957) pula menyatakan bahawa kesalahan bahasa boleh berlaku akibat seseorang tertiru bentuk-bentuk bahasa salah. Perkataan tertiru bermakna terikut-ikut dengan perlakuan salah yang bertepatan dengan Skinner yang berfahaman Behaviour.

Ahli linguistik tempatan juga mempunyai pandangan yang hampir sama dengan Skinner seperti pendapat Za'ba (1965), Nik Safiah Karim (1978), Asmah Haji Omar (1980) dan Arbak Othman (1981), terkeluar daripada penggunaan yang baku dianggap sebagai kesalahan bahasa kecuali jika bahasa itu digunakan mengikut dialek-dialek Bahasa Melayu.

#### 1.7.1 . Beberapa Kajian Kesalahan Bahasa di Barat

Kajian di Barat banyak tertumpu kepada bahasa utama dunia iaitu Bahasa Inggeris. Negara yang banyak membuat kajian ialah Amerika Syarikat dan Britain. Kajian Charters dan Miller (1915), Ahsfield (1922) dan Guiler (1926) telah membuat kajian tentang kesalahan ejaan, penggunaan huruf besar (tulisan Rumi) dan kesalahan tanda bacaan. Pendekatan yang digunakan berdasarkan perbandingan peratus kesalahan. Pada permulaan kajian ini tokoh-tokoh di atas tidak memberi penekanan kepada kajian morfologi dan sintaksis.

Pada tahap kedua, kajian yang dilakukan oleh Geoghegan (1934). Beliau telah membuat pembaharuan dengan menggabungkan cara lama dan moden. Kajiannya termasuklah aspek-aspek ejaan, tanda bacaan, penggunaan huruf besar, imbuhan, artikal, partikal, frasa, klausa dan ayat. Penambahan selain daripada

aspek ejaan, tanda bacaan, huruf besar dan imbuhan membuktikan kajian beliau menurut kajian tatabahasa moden. Dapatan kajiannya menunjukkan 40.1% kesalahan berpunca daripada tanda bacaan dan 59.9% daripada aspek-aspek lain.

Kajian seterusnya dilakukan pada tahun 1955 oleh Anderson dan Staiger (1957), Strom (1960) serta Burn dan Troxel (1961) memberikan tumpuan khusus kepada kesalahan tatabahasa yang terangkum di bawah aspek-aspek morfologi-sintaksis. Kajian pada tahun 70-an pula banyak memberi tumpuan kepada punca-punca yang menyebabkan pelajar-pelajar melakukan kesilapan. Kajian George (1972) yang menyatakan kesilapan pelajar boleh berlaku berdasarkan keadaan-keadaan berikut iaitu:

- a) Pelajar tidak menerima semua isi pelajaran yang didedahkan oleh guru kepada mereka.
- b) Menerima dengan salah atau tidak lengkap sesuatu isi pelajaran.
- c) Tersalah memilih bahagian-bahagian isi pelajaran untuk diproses dan dikekalkan dalam ingatan.
- d) Salah cara memproses (menginterpretasi) dan mengingati isi pelajaran.

- e) Gagal menerapkan isi pelajaran yang telah diterima dan diingati dalam konteks yang baru.

Kajian yang dilakukan oleh George (1972) menampakkan kesilapan pelajar terletak pada bahu pelajar. Manakala kajian terdahulu yang dilakukan oleh Richards dan Selinker (1971), dipetik dalam Juriah Long, Raminah Hj Sabran dan Sofia Hamid, 1990:311 juga meletakkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca dari kesalahan pelajar. Beliau telah memperkenalkan istilah "Pengalaman Lampau". Pengalaman lampau berpunca daripada pembetulan guru terhadap pelajarnya tetapi pembetulan itu tidak di salah gunakan oleh pelajar. Contohnya pelajar menyebut perkataan 'boleh' dengan bunyi "bolek", guru telah membetulkan bahawa bunyi 'h' pada akhir perkataan tidak boleh ditukar kepada bunti 'k'. Kesilapan pelajar berlaku apabila semua perkataan yang berakhiran dengan 'k' akan ditukar oleh pelajar dengan 'h'.

Selain daripada kesalahan pelajar berpunca daripada kelalaian pelajar Richards dan Selinker juga telah menambahkan bahawa faktor guru boleh menyebabkan kesilapan pelajar berlaku. Dalam kajian beliau, ketidakberkesanan proses pengajaran guru terutama

lemah dalam penguasaan bidang yang diajar. Hal ini bertambah apabila guru gagal mengesan dan mengenalpasti di manakah kesilapan pelajar dan seterusnya membiarkan kesilapan berlaku berulang-ulang tanpa diperbetulkan.

Halliday (1973) telah memperkenalkan tujuh fungsi bahasa dalam kajiannya. Mengikut beliau sekiranya seseorang penutur tidak mengikuti fungsi bahasa ini. Pada pandangannya pertuturan akan berlaku kesilapan dalam berbahasa. Antara tujuh fungsi bahasanya iaitu:

- a) **Instrumental** - merujuk kepada bahasa itu alat untuk menyampaikan sesuatu seperti memerintah maka bahasa yang perlu dipilih ialah bahasa perintah supaya kesilapan tidak berlaku dalam pemilihan kata.
- b) **Pentertib (penentu)** - merujuk kepada bahasa itu boleh digunakan untuk mendisiplinkan seseorang. Bahasa ini digunakan untuk menggerakkan atau menentukan tindak balas sasaran contoh; dalam pemilihan kata "Berhenti pemeriksaan polis" bukannya "Tolong berhenti polis hendak periksa"

- c) Bahasa itu untuk komunikasi - mengikut pendapat Halliday, tidak ada bahasa tidak ada komunikasi. pemilihan perkataan penting dalam mempengaruhi pertuturan contoh, bahasa bertengkar untuk bertengkar supaya kesilapan tidak berlaku.
- d) Bahasa digunakan untuk fungsi peribadi merujuk kepada setiap orang mesti ada bahasanya sendiri contoh orang dewasa ada bahasanya iaitu standard, dialek, bahasa memerintah dan lain-lain. Penutur bahasa ini perlu mengetahui bahasa peribadi sasarannya supaya komunikasi dapat berlaku dengan berkesan.
- e) Fungsi Heuristik - merujuk kepada bahasa yang digunakan untuk gambarkan dunia sekitaran dan luaran seseorang.
- f) Fungsi Imaginatif - merujuk kepada penggunaan bahasa untuk sastera. Bahasa diluahkan untuk gambarkan luar dunia dan alam fizikal seperti abstrak, perasaan. Contoh: "Engkau laksana bulan".  
Ciri-ciri bahasa Imaginatif ialah Bahasa berirama, ada rentak, ada lagu dan ada nada.

g) **Fungsi Perlembagaan** - merujuk kepada menggunakan bahasa untuk mencapai sesuatu maksud dan ada hubungan yang khusus. Contoh bahasa digunakan untuk menyampaikan maksud atau mesej. Penggunaan bahasa penting di sini untuk membolehkan maksud penutur tercapai.

#### **1.7.2 Beberapa Kajian Tempatan tentang kesalahan Bahasa**

Kajian **Yap Soon Hock** (1973). Kajian beliau dilakukan pada enam buah sekolah rendah "Jenis Kebangsaan Inggeris" di Selangor. Fokus kajiannya tertumpu kepada ras iaitu Melayu, Cina dan India, jantina dan membandingkan IQ. Walaupun kajiannya memfokuskan kepada kesalahan dalam Bahasa Inggeris tetapi dapatan kajiannya mempunyai kaitan dengan kajian ini iaitu faktor Ras, jantina dan penggunaan bahasa pertama boleh mempengaruhi penguasaan dan kesilapan pelajar.

Kajian dilakukan oleh **Koh Boh Boon** (1992) terhadap guru pelatih yang mengikuti pengkhususan Kaedah Bahasa Malaysia mendapati bahawa terdapat 13 istilah tatabahasa KBSM yang tinggi kekerapan kesalahannya dengan kadar kekerapan 25% seperti sendi nama dan kata kerja tak transitif. Rumusan kesalahan

yang dilakukan oleh pelajar menunjukkan sampel lemah dalam istilah sintaksis berbanding dengan istilah morfologi. Kajian yang dilakukan oleh Awang Mohamad Amin (1990), terhadap pelajar-pelajar Melayu tingkatan Empat di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor Darul Ehsan mendapati bahawa pelajar-pelajar banyak melakukan kekerapan kesalahan kata dan jenis-jenisnya, kekerapan kesalahan ayat dan jenis-jenisnya dan kekerapan kesalahan Bahasa. Kajian beliau berdasarkan analisis karangan pelajar-pelajar

Kajian yang dilakukan oleh Awang Sariyan dan Mohd Sahari Nordin (1990), terhadap pelajar-pelajar Universiti Islam Antarabangsa yang ditempatkan di beberapa buah sekolah di negeri Terengganu dan Pahang bagi menjalani latihan mengajar mendapati bahawa kekerapan kesalahan aspek-aspek bahasa meliputi sintaksis, morfologi, penggunaan istilah dan kata. Beliau juga mengemukakan punca-punca yang menyebabkan kesalahan bahasa beralaku iaitu:

- a) Walaupun guru pelatih telah diberi kursus Intensif Bahasa Melayu dan kemahiran komunikasi tetapi penegasan perlu ditekankan kepada guru berkenaan supaya mendalami aspek-aspek sistem bahasa.

- b) Berkaitan dengan sikap guru-guru pelatih yang tidak berusaha meningkatkan penguasaan bahasa mereka di luar ruang bilik kuliah dan tutorial.
- c) Berkaitan dengan penggunaan sebutan baku pula, guru-guru pelatih hanya didesak mempraktikkannya dalam lingkungan kursus-kursus sahaja. Ini menyebabkan berlaku kesalahan dalam komunikasi dengan pelajar.

Manakala kajian-kajian lain yang menyenaraikan punca-punca kesilapan ialah kajian **Alias** (1969), **Chen** (1977), **Wyatt** (1973), dan **Yap** (1974), dalam Azman Wan Chik 1983:698-717. telah menyenaraikan punca-punca kesilapan bahasa ialah:

- a) Gangguan daripada bahasa, ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa lisan dan bahasa pasar. Gangguan ini timbul kerana tiadanya bentuk atau struktur yang serupa dengan bahasa Pertama. Ini mengakibatkan analogi atau generalisasi yang salah.

- b) Kekeliruan yang berpunca daripada ketidak seragaman dan faktor-faktor tidak rasional yang wujud dalam bahasa matlamat itu sendiri, sistem ejaan dan tatabahasa terutamanya dalam aspek penggolongan kata.
- c) Kekeliruan yang berpunca daripada kecuaian dan kurang pengetahuan tentang bentuk yang betul berasaskan perbezaan di antara penyebutan dan visualisasi penglihatan. Ini akan mengakibatkan peninggalan bentuk-bentuk perkataan, penambahan dan sebagainya jarang digunakan dalam wacana biasa harian, tetapi wajib dalam bahasa yang standard.
- d) Kurang kebolehan dan keupayaan untuk menyatukan sesuatu dimana pelajar terpaksa menggunakan bahasa Pertama untuk melahirkan fikiran dengan lebih efektif. Kekurangan ini boleh jadi disebabkan kekurangan pengalaman mereka dalam subjek perbincangan, atau tidak memahami makna dan konsep perkataan dan struktur tertentu yang mungkin berpunca daripada kekurangan pengalaman kebudayaan dan alam sekitar bahasa tersebut.

e) Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan. Ini ketara dalam kajian **Alias Shamsuddin (1969)** yang berpendapat guru mengajar perkataan imbuhan secara ad-hoc dan tidak dalam konteks yang bermakna atau mengikut kaedah-kaedah mantap. Juga guru biasa menekankan fungsi penambahan dalam penggunaannya. Keadaan ini menimbulkan analogi bentuk-bentuk yang salah dihasilkan oleh pelajar.

(Azman Wan Chik 1983)

Berdasarkan kepada huraian di atas dapat pengkaji rumuskan bahawa kajian ini dilakukan untuk melihat apakah kelemahan dan kekurangan pelajar Pra-AIUM dalam menguasai morfologi. kajian ini juga untuk melihat apakah faktor mempengaruhi kekuatan dan kelemahan pelajar menguasai morfologi.